



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 12 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	HIKMAH PKP BEKAS PEGAWAI BANK RAIH PULANGAN LUMAYAN TANAM CENDAWAN TIRAM, BERNAMA -ONLINE KEBUN KOMUNITI BERI SAYUR PERCUMA, NASIONAL, BH -23	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	SUNGAI AIR KUNING DICEMARI NAJIS AYAM, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	BANYAK BANGKAI PENYU TERDAMPAR MATI SEBAB PUKAT PARI, LOKAL, HM -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6.	1,000KG DAUN BAWANG TANPA PERMIT DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -24 MAQIS RAMPAS SATU TAN DAUN BAWANG DARI CHINA, NEGERI PERAK/KEDAH/JOHOR, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	WW2 OLD BOMB DISCOVERED IN FARMLAND, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -7	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
8. 9. 10.	JUTAWAN HAMPIR GILA DIKHIANATI, LOKAL, HM -24 FORTUNE FAVOURS THE RESILIENT, NATION, THE STAR -8 TERNAKAN ARNAB MAKIN BERPOTENSI, BISNES SINAR, SH -29	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2021	BERNAMA	ONLINE	

Hikmah PKP bekas pegawai bank raih pulangan lumayan tanam cendawan tiram



Mahadi Mohd Jusoh, 51 menunjukkan hasil cendawan tiram yang diusahakan olehnya. (Foto oleh NOORNASRIN SALSABILA OTHMAN)

KUALA KRAI, 9 Ogos – Berbakti kepada tanah pasti mendapat ganjaran. Itulah ungkapan sesuai bagi seorang bekas pegawai bank, apabila usahanya menceburi tanaman cendawan tiram dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac tahun lalu, kini memberi pulangan lumayan.

Mahadi Mohd Jusoh, 51, berkata beliau sebelum ini bekerja sebagai pegawai bank mengambil keputusan berhenti kerja sekitar tahun 2016 demi menguruskan ibunya Zaharah Ahmad, 70, yang sudah uzur selepas kematian bapanya Mohd Jusoh Mat, 81, pada tahun yang sama.

Katanya, enggan berpeluk tubuh ketika itu selepas hilang punca pendapatan beliau mengambil inisiatif untuk membuka sebuah runcit berdekatan rumahnya di Kampung Baru Pahi, di sini, untuk menjana pendapatan sambil menguruskan ibunya.

"Pada awal permulaan pembukaan kedai runcit iaitu pada tahun 2016 jualan di kedai runcit milik saya amat memberangsangkan, bagaimanapun bermula PKP tahun lalu perniagaan saya mula merosot sehingga menyebabkan saya terpaksa memikirkan inisiatif lain, demi kelangsungan hidup saya sekeluarga.

"Ketika buntu memikirkan idea untuk memperoleh pendapatan lain, ada seorang rakan yang mencadangkan saya membuat tanaman cendawan tiram sebagai 'duit poket' dan dari situ bermula cubaan sekadar suka-suka terhadap tanaman ini," katanya ketika ditemui pemberita di rumah cendawan miliknya di Kampung Baru Pahi, di sini hari ini.

Bercerita lanjut, bapa kepada empat orang anak itu berkata, selepas dua bulan negara dikenakan PKP iaitu pada Mei tahun lalu, beliau mula berjinak-jinak dalam tanaman cendawan.

Katanya, pada awalnya beliau mencabar diri dengan membeli sekitar 100 bongkah benih cendawan dengan seorang pembekal selain turut menyediakan rak bagi meletakkan bongkah cendawan dengan berbekalkan modal sebanyak RM2,000.

"Alhamdulillah, percubaan pertama saya membuahkan hasil apabila saya berjaya meraih sekitar 30 kilogram cendawan tiram, sebelum diagihkan kepada jiran-jiran terdekat secara percuma bagi permulaan.

"Sejak dari itu saya mula menambah tanaman bongkah cendawan yang diusahakan dari semasa ke semasa dan sehingga kini ia mencecah sebanyak 5,000 bongkah," katanya yang turut bercadang untuk menambah 5,000 bongkah lagi sebelum berakhir tahun ini.

Mahadi berkata, antara dua elemen utama yang paling penting bagi tanaman cendawan tiram adalah perlu memastikan kelembapan tidak kurang daripada 80 peratus dan suhu tidak melebihi 30 darjah celsius.

Katanya, proses penuaian turut perlu dilakukan setelah cendawan mula bercambah diikuti proses pembungkusan dan terus dihantar kepada pelanggan.

"Permintaan pasaran terhadap cendawan pada masa ini juga meningkat, kerana pelbagai produk hiliran berkaitan cendawan seperti kerepek cendawan, popia cendawan dan cendawan goreng dihasilkan.

"Setiap bongkah cendawan mampu mengeluarkan sekitar 350 gram dan hampir setiap hari saya mampu mengutip sekitar 10 kilogram, sebelum dijual kepada peraih di pasar terdekat dengan harga RM10 sekilogram," katanya yang mampu meraih sehingga ribuan ringgit sebulan.

Mahadi berkata, bagi memantapkan ilmu tanaman cendawan berkenaan beliau turut mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), termasuk orang-orang berpengalaman dalam bidang ini.

"Saya turut berharap orang ramai yang kehilangan kerja dan hilang pendapatan disebabkan pandemik COVID-19 ini, boleh mencuba untuk mula menjana pendapatan dengan menceburkan diri dalam penanaman cendawan, sebagai pendapatan sampingan," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	23

Kebun komuniti beri sayur percuma

Seremban: “Niat saya hanya mahu membantu meringankan beban sebahagian penduduk di sini menjimatkan belanja dapur,” kata Ketua Projek Kebun Komuniti, Projek Rumah Pangsa Perumahan Rakyat (PPR) Taman Jasmin Senawang, di sini, Mohd Kamil Abdullah.

Mohd Kamil, 57, berkata penduduk di rumah pangsa berkenaan yang memerlukan boleh mendapatkan sayur berkenaan secara percuma.

Beliau berkata, pihaknya sedar dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu kesan penularan pandemik COVID-19, inisiatif itu dapat membantu meringankan beban mereka khususnya dalam berdepan kenaikan harga sayur-sayuran.

“Projek ini dimulakan pertengahan tahun lalu sebagai inisiatif untuk mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Malah, projek ini juga turut mendapat sokongan



Mohd Kamil menunjukkan sayuran ditanam di tapak projek kebun komuniti di PPR Senawang, Seremban, semalam.

(Foto Mohd Amin Jalil/BH)

Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (JPNS) dan Sekretariat Muafakat Komuniti, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

“Terdapat lebih 300 sayuran pelbagai jenis ditanam di tapak projek ini termasuk menerusi kaedah hidroponik,” katanya, semalam.

Pesara pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu berkata, projek ini mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana ia

bukan tanaman jangka panjang seperti durian, nangka dan lain-lain lagi yang mengambil masa lama untuk berbuah.

Beliau berkata, majoriti penduduk di PPR itu adalah kategori B40 dan ramai yang terkesan dengan pandemik termasuk kalangan ketua keluarga yang hilang pendapatan.

Beliau berkata, pihaknya bercadang meluaskan projek itu di setiap 42 blok perumahan terbabit supaya lebih ramai penduduk menerima hasilnya.

Kerajaan negeri arah pengusaha ladang ternakan bersihkan sisa kumbahan

Sungai Air Kuning dicemari najis ayam

Oleh NOR AINNA HAMZAH

TAMPIN – Pengusaha sebuah ladang ternakan ayam di Air Kuning Selatan, Gemencheh, di sini, diberi tempoh tujuh hari untuk membersihkan sisa kumbahan yang dipercayai menyebabkan Sungai Air Kuning tercemar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, pihaknya telah membuat lawatan mengejut ke ladang terbabit selepas menerima aduan daripada penduduk kelmarin.

Menurutnya, siasatan mendapati berlaku pembuangan air sisa kumbahan dari ladang ternakan ke dalam parit seterusnya ke Sungai Air Kuning.

"Tempoh tujuh hari diberi kepada pihak pengurusan ladang supaya menambah baik sistem kumbahan bagi mengelak pence-

maran sungai terus berlaku.

"Jabatan Veterinar Negeri Sembilan akan datang semula melawat ladang berkenaan selepas tempoh itu dan jika gagal, tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap pemilik ladang," katanya ketika dihubungi Kosmo/semalam.

Sementara itu, seorang penduduk, Wong Thiam Fook, 50, berkata, dia menyedari air sungai berkenaan berubah warna menjadi kehijauan dua minggu lalu. dan terus memaklumkan mengenainya kepada pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung.

Katanya, sejak 30 tahun mengusahakan kebun getah di kawasan berkenaan, ini kejadian pertama air sungai tercemar.

"Saya harap pihak bertanggungjawab dapat memantau masalah ini bagi mengelakkan masalah sama berulang kembari," ujarnya.



THIAM FOOK menunjukkan keadaan sungai yang kotor akibat sisa kumbahan ladang ternakan di Kampung Baru Air Kuning, Gemencheh semalam.

Banyak bangkai penyu terdampar mati sebab pukut pari

Marang: Penggunaan pukut pari didakwa semakin berleluasa di perairan Marang termasuk di Pulau Kapas dan Pantai Rhu Muda, sekali gus menjadi punca lapan penyu agar dan karah ditemui mati di kawasan berkenaan sejak Januari lalu.

Sebelum ini, penduduk menemui tujuh bangkai penyu dan seekor penyu agar betina dianggar berusia lebih 30 tahun ditemui mati di pantai Pulau Kapas, Abad lalu.

Penduduk Kampung Rhu Muda, Rani Awang, 56, berkata, dia sedih apabila kerap menemui bangkai penyu dihanyutkan air dan terdampar di pantai.

"Aktiviti menangkap pari menggunakan pukut pari yang salah di sisi undang-undang perlu dihen-



RANI menemui bangkai penyu agar yang ditemui mati di pantai Pulau Kapas.

tikan segera dan pihak berkenaan perlu membanteras aktiviti nelayan menggunakan pukut pari di perairan pantai berkenaan.

"Berdasarkan keadaan bangkai penyu ditemui, saya yakin 100 peratus penyu itu mati akibat terperangkap pada pukut pari sebelum dibunuh," katanya.

Menurutnya, tiga penyu agar ditemui mati pada Jun lalu dan dia pernah menemui bangkai penyu yang di belah perut.

Katanya, nelayan pukut pari itu dipercayai menenggelamkan bangkai penyu dengan mengikat batu pada penyu itu sebelum ia tertanggal daripada ikatan dan terapung sebelum ter-

dampar di pantai apabila sudah reput.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu Ruzaidi Mat berkata, pihaknya sedia maklum dengan isu kematian penyu di perairan Marang termasuk Pulau Kapas itu.

"Kami menjalankan rondaan memantau segala aktiviti nelayan di semua kawasan bagi membendung penggunaan pukut pari dan kesalahan lain.

"Sebenarnya, kematian penyu bukan kerana pukut pari sahaja, tetapi faktor lain seperti terkena kipas bot dan pukut tunda antara penyebab kepada kematian penyu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	24



DAUN bawang seberat 1,000kg tanpa permit dari China yang cuba dibawa masuk berjaya ditumpaskan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Iskandar Puteri, Johor.

1,000kg daun bawang tanpa permit dirampas

ISKANDAR PUTERI: Tindakan tidak bertanggungjawab pengimport yang cuba membawa masuk sayur-sayuran segar bernilai RM5,184.97 tanpa permit dipatahkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Perbuatan terbabit dikesan Maqis Johor ketika melakukan pemeriksaan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, pada pukul 3 petang semalam.

"Hasil pemeriksaan rutin dijalankan, pegawai penguatkuasa Maqis menemukan 100 kotak sayur berisi daun bawang seberat 1,000 kilogram (kg) bernilai RM5,184.97 yang cuba dibawa masuk tanpa permit import.

"Modus operandi yang digunakan adalah dengan meletakkan daun bawang bersama pelbagai jenis sayur lain yang mempunyai permit import

bagi mengelirukan pegawai pemeriksa," kata Maqis dalam kenyataan di sini, semalam.

Sayur-sayuran segar berkenaan yang cuba dibawa masuk ke negara ini dari China ditahan untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," tambah kenyataan itu.

Sehubungan itu, Maqis menasihati semua pengimport dan pengeksport agar mengikut peraturan ditetapkan kerajaan bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan Malaysia terpelihara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/KEDAH	26

Maqis rampas satu tan daun bawang dari China

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas satu tan daun bawang tanpa permit yang sah di Pelabuhan Tanjung Pelepas di sini pada Selasa.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, rampasan itu dilakukan ketika pe-

meriksaan rutin oleh pegawai penguat kuasa pada jam 3 petang.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan itu menemukan 100 kotak sayur daun bawang sebanyak satu tan dianggarkan bernilai RM5,184.

"Daun bawang dari China itu dirampas untuk tindakan lanjut


kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen permit import yang sah," katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Hizzuan berkata, hasil pemeriksaan lanjut mendapati pengimport meletakkan daun bawang bersama dengan pelbagai jenis sayur lain yang mempunyai permit import bagi mengelirukan pegawai pemeriksa.

"Perbuatan mengimport apa juga jenis keluaran pertanian tanpa permit import yang sah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) Akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Tegasnya, Maqis terus komited dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.



Maqis Johor merampas satu tan daun bawang dari China di Pelabuhan Tanjung Pelepas pada Selasa.

Headline	WW2 old bomb discovered in farmland		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	12 Aug 2021	Color	Full Color
Section	Metro Edition A	Circulation	288,920
Page No	7	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	114 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,455
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,364



農地發現二戰舊炸彈 拆彈組移至安全地方引爆



？扎瓦威（右）向警员了解处置两枚旧炸弹的结果

一农民在进行翻土农耕时，惊觉两枚炸弹埋在地底下，几乎吓得魂飞魄散



（巴生日讯）巴生太子城大马农业研究所（Mardi）农地，前日（9日）上午被耕种农民发现两枚埋藏在地底下，未引爆的二战长型旧炸弹，惊慌下赶紧致电警方投报，由拆弹组警员到场把炸弹移到附近安全地方引爆。

当地双溪甘迪斯区州议员兼州行政议员扎瓦威在获悉后，也赶到现场了解情况。

旧炮弹已不活跃

巴生南区警区主任三苏阿马助理总监今日指出，警区总部行动室于9日中午11时56分，接获一名华裔男子来电投报，指在太子城农耕地发现2枚疑似炸弹的物体。

他透露，警方现场调查证实两枚物体是已不活跃的旧炮弹。在当地种植玉米和辣椒的农民，是在翻土时惊觉地下竟埋藏着这两枚炸弹，于是赶紧报警求助。

他说，警员当即联系雪州警察总部拆弹组专家，由后者把炸弹移到附近安全地方进行引爆，结束行动。

12/8/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

24

lokal

AHMAD SHAWAL
ketika cabut dari
ladang di Banting.



Jutawan hampir gila dikhianati

Ahmad Shawal dedah kejayaan bangkit
dari zaman kejatuhan dalam bisnes

AHMAD Shawal
serius dalam bidang
pertanian sejak 2013.



TERNAKAN lembu
diusahakan Ahmad
Shawal.



Bernama

Kuala Lumpur

Usahawan tani ini nyaris gila pada 2011 sebelum syarikat konkrit yang diusahakan sejak berusia 18 tahun hampir gulung tikar gara-gara dikhianati.

Ahmad Shawal Mispan yang ketika itu berusia 27 tahun dan sedang seronok mengedap nikmat bergelar jutawan muda dengan memiliki pelbagai aset serta kenderaan mewah, terduduk apabila kehilangan jutaan ringgit dalam sekelip mata selain dihimpit masalah hutang.

La menyebabkan beliau mengalami tekanan perasaan melampau sehingga hilang pedoman dan melaku-

kan perkara pelik termasuk mengasingkan diri di bawah jambatan, menyebabkannya dipandang serong oleh masyarakat.

Namun, mujurlah bapanya Mispan Zaidin, 73, dan ibunya Siti Khatijah Musanif, 63, bertindak pantas 'menyelamatkannya' dan mengembalikannya keyakinan sehingga beliau kembali bangkit dan bertadul menyertai bidang pertanian serta penternakan.

"Ibu bapa sedar diri saya yang mengalami tekanan mental, jadi mereka berusaha untuk 'tarik' saya kembali.

"Mereka bina kandang lembu hasil daripada jualan tanah di Negeri Sembilan dan saya jadikannya sebagai satu terapi. Hari-hari hidup saya hanya dengan lembu,

bercerita dengan haiwan itu sehingga saya lupa dengan dunia luar dan masalah dihadapi sebelum ini," katanya yang kini berusia 37 tahun.

Selepas lapan bulan menyendiri dalam dunia tersendiri, semangatnya akhirnya pulih dan tanpa menoleh ke belakang, Ahmad Shawal yang merupakan anak kelahiran Tanjung Sepat, Banting, Selangor membiat keputusan untuk bergerak secara serius dalam bidang penternakan dan pertanian pada 2013.

"Ketika itu saya masih mempunyai tanah yang berkeluasan lapan hektar (20 ekar) di sekitar Banting jadi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat bantu saya bangkit kembali dengan memberi pinjaman

bercagar mengikut nilai pasaran tanah ketika itu.

"Dengan modal yang diberikan, saya mula membangunkan empayar dalam bidang penternakan dan pada masa sama perniagaan dalam bidang kontraktor diteruskan sehingga mendapat kembali kepercayaan daripada pelanggan," katanya yang juga merupakan pengasas Bumijaya Rezeki Sdn Bhd.

Percaturannya itu ternyata tepat apabila beliau kini bergelar jutawan hatta dan luas dengan memiliki ladang pertanian berkeluasan 80 hektar di Banting yang turut ditanam dengan pelbagai jenis tanaman lain seperti kunyit, ubi kayu dan ubi keledek selain memiliki 0.8 hektar tanah untuk ter-

semua hasil tanaman itu, katanya dihantar ke pasar raya besar seperti Giant, Econsave, Tesco dan Sri Teratak Mart Sdn Bhd di seluruh negara serta Pusat Pengumpulan Hasil Ladang PPK Kuala Langat dan menjadi tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan tani.

Untuk perancangan masa hadapan, beliau yang banyak menerima bimbingan PPK Kuala Langat bercadang untuk mengusahakan penternakan ayam daging dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Walaupun saya hanya berkeluasan darjah enam dan pernah gagal namun itu bukan batu penghalang untuk berjaya. Yang penting jangan putus asa, kena berfikir positif dan mempu-

nyai semangat kental untuk hadapi cabaran," katanya.

Enggan nikmat kejayaan itu dikecapi sendiri, Ahmad Shawal yang juga mesra dengan panggilan Boboy turut bergandeng bahu bersama PPK Kuala Langat dengan menjadi tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan tani.

la bagi melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan golongan muda khususnya agar mampu berdaya saing terutamanya dalam kalangan B40 yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Sehingga kini, Ahmad Shawal yang merupakan anak keempat daripada sembilan adik-beradik itu mampu mengutip seramai 20 pekerja untuk menjaga ladang tanamannya dan ternakan lembunya.

Fortune favours the resilient

Millionaire goes broke and then becomes a millionaire again

KUALA LUMPUR: The loss of fortune can drive anyone insane.

Fate dealt a heavy blow to Ahmad Shawal Mispan when the construction company he built from scratch as a teenager hit rock bottom.

At 27 years of age, the millionaire contractor had been reaping the fruits of his labour; he owned various assets and luxury vehicles. He was strumped when he suddenly found himself penniless and in debt.

Unable to cope with the stress, his life turned upside down. He spent most of his time living in isolation, often under a bridge. The community saw him as mentally unstable.

Not wanting to see their son dragged further into despair, Mispan Zaidin, 73, and Siti Khatijah Musanif, 63, acted quickly to "save" him and restore his confidence.

The support steered Ahmad Shawal back to the path. He was able to stand on his feet again and start life anew by venturing into the agricultural sector.

The successful agropreneur said, "My parents realised I was mentally stressed, so they helped put me back on track."

His parents, said Ahmad Shawal, built a cowshed with the money they got from selling a piece of land in Negri Sembilan.

"I used the cowshed for therapy. My days were spent with the cows at the shed. I talked to them until I forgot about the outside world and the problems I had," he said.

After eight months of living in a world of his own, the 37-year-old of Tanjong Sepat, Banting, said he felt strong and regained his spirit.

"I decided to buck up and venture into agriculture. That was in 2013 and I have never looked back. At that time, I still had about eight hectares of land in Banting, Selangor. The Kuala Langat Area Farmers Organisation (PPK) helped me by providing a loan and I used the land as collateral."

"I developed my agro-business empire and continued with my construction company," he said.


The proprietor of Bumi Jaya Rezeki Sdn Bhd made the right choice when he ventured into the agriculture sector. He is now a self-made millionaire again with 80ha of vegetable farm, of which 0.8ha is used for his cow-rearing business in Banting. He employs 20 people on his farms.

The harvest from his crops like

ginger, galangal, turmeric and sweet potato is sold at supermarkets such as Giant Econsave, Tesco and Sri Ternak Mart Sdn Bhd nationwide as well as the PPK Kuala Langat farm harvesting centre.

On his future plans, Ahmad Shawal, the fourth of nine siblings, hopes to start a chicken farm in three years.

"Even though I only completed



Farm view:
Ahmad Shawal inspecting crops at his farm in Banting.
— Bernama

primary school and failed in my business once, such obstacles are no longer a stumbling block to my success. The important thing is to not give up, to think positively, to be highly spirited and to be strong willed," he said.

Ahmad Shawal, also known as Boboy, also helps PPK Kuala Langat by providing training to budding agro-entrepreneurs. — Bernama

Ternakan arnab makin berpotensi

Arnab hidup dijual hingga RM80 seekor selain daging arnab siap diproses dengan harga RM35 sekilogram.

Oleh NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

Arnab yang kebiasaannya dijadikan haiwan peliharaan kini berpotensi menjadi perniagaan yang menguntungkan apabila semakin ramai usahawan menjalankan peternakan berskala besar.

Bagi usahawan ini, Noor Saiful Amri Suloh, 38 percubaannya memelihara arnab pada tahun lalu membuahkan hasil apabila produk keluarannya bukan sahaja untuk pasaran setempat sebaliknya turut mendapat permintaan dari luar daerah.

Katanya, projek dimulakan di bawah Pontian Farmer Group memulakan peternakan arnab dengan 27 ekor baka New Zealand White di Kampung Parit Seraya dan Kampung Parit Lapis Sayang.

"Bernula dengan hanya 27 ekor arnab, populasi ternakan kami kini mencecah lebih 300 ekor daripada baka New Zealand White.

"Dalam tempoh kurang setahun beroperasi ladang Pontian Farmer Group berkembang pantas dan kini menjadi antara pembekal utama daging arnab di daerah ini," katanya.

Menurut Noor Saiful kini tumpuan pengeluaran kepada jualan arnab hidup dengan harga RM60 hingga RM80 seekor



Daging arnab siap diproses berharga RM35 sekilogram.

selain daging arnab siap diproses dengan harga RM35 sekilogram.

"Dalam tempoh tiga bulan arnab mampu mencapai berat ideal lima kilogram dan boleh disembelih. Kami menggunakan media sosial seperti facebook untuk memasarkan jualan daging arnab.

"Pontian Farmer Group juga membantu penternak arnab daging di daerah ini dan di Johor untuk mendapatkan induk arnab pedaging," katanya.

Penjagaan arnab tidak rumit

Noor Saiful berkata, penjagaan arnab tidak begitu rumit dan mempunyai kitaran hidup lebih yang cepat selain kadar kelahiran mampu memcapi antara lima hingga sembilan ekor.

"Arnab betina mempunyai kitaran beranak yang cepat iaitu lapan kali setahun. Anak-anak arnab akan bersama ibunya untuk menyusu selama 30 hari sebelum diceraikan susu daripada ibunya.

"Kemudian anak arnab akan dibela dalam sangkar selama 60 hari. Cukup 90



Noor Saiful menunjukkan ternakan arnab di dalam sangkar di Kampung Parit Seraya.



Ternakan arnab di dalam sangkar mampu memberi hasil yang lumayan.

hari berat arnab yang mencapai berat ideal iaitu lima kilogram sudah boleh disembelih," katanya.

Menurutnya, biarpun penternakan arnab tidak rumit namun pengusaha ternakan ini perlu mempunyai ilmu kerana arnab

turut terdedah dengan penyakit seperti kurap.

"Tidak perlu ruang yang luas tetapi paling penting sistem yang betul diperlukan bagi mengelak ternakan arnab terhidar daripada sakit perut dan kurap.

"Ternakan ini perlu kerap dipantau dan diperhatikan selain pemberian makanan iaitu dedak yang sesuai dan mengikut aturan pada sebelah pagi dan petang," katanya.

Perlu lebih ramai penternak daging arnab

Noor Saiful berharap lebih ramai golongan muda menceburi bidang ternakan arnab terutama di Johor memandangkan daging arnab kini semakin mendapat permintaan.

"Sewaktu saya berkursus di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Setiu Terengganu mengenai ternakan arnab, saya dapati bilangan penternak arnab di sana agak ramai.

"Melihatkan potensi ternakan arnab yang cukup luas, ditambah permintaan yang tinggi, ternakan arnab ini sesuai dikomersialkan terutama di Johor," katanya.



Ternakan arnab dalam sangkar yang dilusahkan oleh Noor Saiful.